



14 Jamadilakhir 1441H  
8 Februari 2020M

Waris Pelajar Yang Dihormati

Assalamu'alaikum Wr. Wb.

Tuan / Puan,

### **KATANAMA DAN KATALALUAN PORTAL PELAJAR DAN E-PENDIDIKAN**

Semoga anda dirahmati Allah s.w.t. sentiasa dan ribuan terima kasih atas sokongan padu anda kepada khidmat kami, menyediakan pendidikan Islam sepanjang hayat.

Sedia maklum bahawa katanama (*user ID*) bagi setiap pelajar telah dikemaskini bagi mematuhi panduan Akta Perlindungan Data Peribadi (*Personal Data Protection ACT* atau PDPA). Berikut adalah butiran berkenaan:

Katanama (*user ID*): 5 abjad pertama nama pelajar dan 5 karakter (nombor/abjad) terakhir sijil kelahiran pelajar; sebagai contoh:

Nama Penuh: **Adam Bin Idris**                      No Sijil Kelahiran: **T0123456A**  
Katanama (user ID): **ADAMB3456A**      Katalaluan (password): **cordova**

Katanama dan katalaluan baru ini perlu digunakan untuk log masuk ke portal-portal berikut:

<b>Perkara</b>	<b>Alamat portal</b>
E-pendidikan KBK/KBM/KBR	<a href="http://ependidikan.cordova.com.sg">http://ependidikan.cordova.com.sg</a>
E-pendidikan KBN/KBPS	<a href="http://www.hanishakim.com">http://www.hanishakim.com</a>
Portal pelajar (Keputusan penilaian)	<a href="https://student.cordova.com.sg">https://student.cordova.com.sg</a>

Semua pelajar KBN, KBPS, KBK, KBM dan KBR **wajib** melakukan tugas e-pendidikan untuk peringkat masing-masing bermula 15 Februari hingga 30 November 2020.

Besar harapan waris menyokong kuat pembelajaran anak anda melalui aktiviti e-pendidikan dan kerap memantau prestasi anak anda melalui portal pelajar. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai cawangan pada waktu pejabat. Terima kasih. Wassalamu'alaikum Wr. Wb.

Salam Hormat,

Md Fuad Bin Md Aris  
Pengarah Pendidikan Cordova

## **Maklumat Berkaitan E-Pendidikan dan Portal Pelajar (Frequently Asked Questions – FAQs)**

### **Apakah matlamat E-Pendidikan?**

E-pendidikan membolehkan pendidikan agama yang tidak terhad kepada bilik darjah sahaja. Ia boleh dilakukan di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja. Ini bermakna pelajar boleh membaca teks dan membuat latihan e-pendidikan di sebarang tempat yang sesuai seperti di rumah, sekolah, perpustakaan atau lain-lain tempat yang mempunyai komputer dan internet. Ia boleh digunakan pada bila-bila masa yang sesuai bagi pengguna tersebut.

### **Untuk siapa E-Pendidikan?**

Semua pelajar Cordova di peringkat KBN, KBPS, KBK, KBM, KBR **wajib** melakukan tugas e-pendidikan. Setiap pelajar perlu menyelesaikan tugas-tugas yang bersesuaian dengan peringkatnya sahaja. Teks dan latihan boleh dibaca dan dilakukan oleh pelajar dan dibincang bersama ibu bapa atau kaum keluarga yang lain.

### **Bagaimana ia relevan dan bersepadu dengan pengajian di Cordova?**

E-pendidikan bertujuan menguji dan mengukuhkan kefahaman pelajar. Selain daripada belajar di pusat pengajian, pelajar boleh menguji kefahaman sendiri sehingga benar-benar faham sesuatu tajuk (mastery learning). Markah yang mereka perolehi dari tugas yang telah diselesaikan di ependidikan ini akan dimasukkan dalam subjek berkaitan.

### **Apakah sistem yang diperlukan untuk melayar E-pendidikan (KBK/KBM/KBR)?**

Kelajuan Internet: minima 1mbps Saiz Resolusi Skrin: Minima 1024x768 (recommended)

Sistem Operasi: sekurang-kurangnya Windows 7 Internet Browser: Google Chrome

### **Apakah sistem yang diperlukan untuk melayar E-pendidikan (KBN/KBPS)?**

Kelajuan Internet: minima 1mbps Saiz Resolusi Skrin: Minima 1024x768 (recommended)

Perisian: Memerlukan Adobe Flash Player

### **Bagaimana saya boleh ikuti pengajian di E-pendidikan (KBK/KBM/KBR)?**

Sila ambil langkah-langkah yang berikut ini untuk menggunakan e-pendidikan:

- Lungsuri laman: <http://ependidikan.cordova.com.sg>
- Isikan maklumat pengguna (rujuk panduan katanama dan katalaluan)
- Pilih peringkat, modul dan unit kursus. ▪ Baca teks dengan baik dan fahamkan.
- Buat latihan berbilang pilihan (Multiple Choice Question) yang terdapat di akhir setiap unit.
- Jika anda mendapat semua jawapan betul, markah akan diberikan.
- Jika tidak, anda akan diminta membuat semula soalan-soalan yang salah.

### **Bagaimana saya boleh ikuti pengajian di E-pendidikan ini (KBN/KBPS)?**

Sila ambil langkah-langkah yang berikut ini untuk menggunakan e-pendidikan:

- Lungsuri laman: [www.hanishakim.com](http://www.hanishakim.com)
- Isikan maklumat pengguna (rujuk panduan katanama dan katalaluan)
- Pilih jaluran topik (Akidah, Akhlak, Intelektual...)
- Pilih aktiviti yang sesuai
- Ikon aktiviti akan bertukar menjadi warna kuning, menandakan aktiviti telah sempurna dilakukan.

### **Apakah fungsi portal pelajar?**

Waris/pelajar boleh melihat keputusan penilaian di bahagian penilaian. Waris juga boleh melihat rekod pembayaran dan mengemaskini maklumat pelajar di bahagian profil. Buat masa ini hanya keputusan terkini iaitu penilaian 2019 terpapar manakala baki keputusan tahun-tahun sebelum akan dipindahkan secara berperingkat.

### **Berapakah bayaran untuk E-Pendidikan dan Portal Pelajar?**

Bayaran adalah sebanyak \$23.90 (KBN/KBPS) dan \$18.90 (KBK/KBM/KBR) setahun sekali sahaja. Pelajar yang mempunyai yuran tertunggak selama 2 bulan atau lebih akan ditahan dari melihat keputusan di portal.